

# **BAB SATU**

# BAB SATU

## PENGENALAN

### 1.0 Pendahuluan

Setiap sistem bahasa mempunyai ciri-ciri tertentu yang sama dan berbeza dengan sistem bahasa - bahasa yang lain. Persamaan dan perbezaan yang wujud dalam bahasa - bahasa ini dikaji dan dianalisis secara sistematik melalui kaedah analisis kontrastif. Persamaan dan perbezaan yang dianalisis tersebut digunakan untuk mengenalpasti masalah yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa sasaran. ( Roshidah Hassan: 1997 : 1 )

Setiap orang yang mempelajari sesuatu bahasa asing tidak dapat lari daripada menghadapi kesusahan dan kesulitan dalam proses pembelajarannya. Para linguist menyarankan agar punca kesulitan ini dilihat, dikaji dan dianalisis melalui analisis kontrastif ( AK ). Jamaliah Mohd. Ali ( 1990 : 333 ) menyatakan bahawa analisis kontrastif adalah satu teknik menganalisis linguistik yang telah dikembangkan oleh linguist terkemuka Bloomfield ( 1914 ), dengan tujuan menganalisis bahasa secara terencana. Analisis ini seterusnya dikembangkan oleh Fries dan Lado dalam tahun lima puluhan. Menurut mereka, dalam proses pembelajaran bahasa kedua, pelajar banyak dipengaruhi atau diganggu oleh bahasa pertama atau bahasa ibundanya dan segala kesilapan dan kesalahan pelajar dapat dikesan pada bahasa pertama pelajar.

Bagi tujuan ini , penulis ingin menjalankan kajian dalam bidang AK. Kajian yang akan penulis jalankan ialah Kata Adjektif Bahasa Melayu - Bahasa Arab : Satu Analisis

Kontrastif. Penulis memilih aspek kata adjektif sebagai bahan kajian kerana aspek ini merupakan salah satu aspek penting dalam penggunaan sesuatu bahasa, di mana lazimnya kata adjektif berfungsi sebagai penerang kepada sesuatu kata nama atau frasa nama. Setiap penutur bahasa memerlukan sistem kata adjektif dalam mengembangkan ayat atau menggambarkan sesuatu apabila berinteraksi.

## **1.1 Permasalahan Kajian**

Bahasa Arab telah lama bertapak di Malaysia semenjak dari zaman lampau. Penemuan baru bersurat di Terengganu pada tahun 1254 membuktikan kedatangan BA ke sini dan ia berkembang dengan pesat hingga ke hari ini. Penubuhan sekolah-sekolah agama seperti sekolah menengah kebangsaan agama ( SMKA ), sekolah-sekolah agama negeri ( SMA ) dan sekolah-sekolah beraliran agama ( KAA ) membuktikan komitmen Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap perkembangan dan kemajuan BA.

Pelajar-pelajar Melayu Islam di sekolah-sekolah ini diwajibkan mempelajari BA sebagai bahasa ketiga selepas bahasa Inggeris. Mereka mempelajari BA dengan tujuan memperolehi kecekapan komunikasi dan mendalami serta memahami al-Quran, hadis dan buku-buku rujukan agama yang muktabar.

Namun begitu, penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu masih lagi lemah. Fenomena ini jelas kelihatan berdasarkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi di peringkat Penilaian Menengah Rendah ( PMR ) dan Sijil Pelajaran Malaysia ( SPM ). JAPIM ( 2003: 14 ) dan LPM ( 2003 : 115 ), bagi pihak KPM telah mengadakan analisa pencapaian mata

pelajaran BAT, BAK ( PMR ) dan BAK ( SPM) mendapati kelemahan-kelemahan ini meliputi aspek-aspek fonologi, morfologi dan sintaksis. Menurut laporan analisa tersebut, kelemahan yang paling ketara ialah para pelajar tidak mampu menulis ayat-ayat BA dengan gramatis. Mereka terpengaruh dengan gaya bahasa dan struktur BM.

Pelajar-pelajar Melayu menghadapi kesulitan dan kesukaran dalam mempelajari BA ekoran dari gangguan bahasa ibunda iaitu BM. Hal ini amat ketara dari aspek morfologi dan juga sintaksis, khususnya pembentukan kata adjektif. Para pelajar Melayu didapati gagal membina ayat-ayat yang mempunyai frasa adjektif dengan tepat dan betul. Mereka masih terpengaruh dengan struktur BM ketika membina ayat-ayat yang mempunyai frasa adjektif atau kata adjektif.

Oleh itu, adalah wajar satu kajian kontrastif mengenai kata adjektif dijalankan terhadap kedua-dua bahasa tersebut. Ini disebabkan setiap orang yang mempelajari bahasa asing tidak terlepas daripada menghadapi kesulitan dalam proses pembelajarannya.

## **1.2 Kepentingan Kajian**

Analisis Kontrastif di antara BM dan BA ini merupakan satu kuasa meramal dan mengesan kesulitan yang dihadapi oleh para pelajar Melayu dalam mempelajari BA. Kajian ini juga menjadi alat prognosis untuk mengelak atau meminimakan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar, khususnya yang berkaitan dengan kata adjektif. Dengan memperlihatkan persamaan dan perbezaan ciri-ciri tertentu dalam sistem setiap bahasa

akan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Kajian ini memberi faedah kepada :

- Para pengajar : Dengan memperlihatkan persamaan dan perbezaan jenis struktur dapat memudahkan pengajaran dijalankan, memantapkan penguasaan bahasa Arab, memudahkan penyediaan bahan-bahan bantuan pembelajaran, penilaian dan pemulihan serta pengagihan masa pengajaran struktur yang sesuai.
- Para pelajar : Hasil kajian ini juga memberi manfaat kepada para pelajar, di mana mereka dapat meningkatkan lagi penguasaan kemahiran-kemahiran bahasa Arab.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), khususnya bahagian kurikulum dan buku teks, di mana para penggubal kurikulum dan buku teks dapat menyediakan bahan yang berkaitan dengan struktur bahasa Arab dengan mudah, mantap dan berkesan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menghuraikan jenis-jenis atau bentuk kata adjektif BM dan BA. Hasil dari penghuraian ini diharapkan dapat membantu usaha-usaha membanding dan menganalisis urutan kata dan unsur-unsur yang membentuk kata adjektif BM dan BA. Hasil daripada perbandingan yang dibuat ini diharapkan akan dapat memperlihatkan persamaan dan perbezaan di antara pembentukan kata adjektif BM dan BA.

Seterusnya dengan terhasilnya perbandingan antara dua bahasa ini, diharapkan dapat memberi manfaat yang besar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran BA, iaitu ia dapat digunakan untuk meramal kesukaran yang dihadapi oleh pelajar Melayu dan mengenalpasti masalah-masalah yang mereka hadapi dalam mempelajari dan membina frasa atau ayat –ayat yang mengandungi kata adjektif. Akhirnya dengan terlaksana kajian ini, adalah diharapkan akan dapat menerangkan punca-punca kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar ketika membina frasa atau ayat yang mengandungi kata adjektif.

Pendedahan tentang kesukaran dan kesulitan yang dialami oleh para pelajar dalam mempelajari struktur kata adjektif BA dapat digunakan oleh para pengajar untuk menyediakan bahan pengajaran yang berkaitan dan seterusnya dapat memantapkan lagi mutu pengajaran dan meningkatkan lagi tahap penguasaan pelajar. Hal ini sekurang-kurangnya dapat membantu mengurangkan kekerapan para pelajar melakukan kesilapan.

Kajian ini juga dilaksanakan atas rasa minat dan prihatin penulis untuk menambahkan lagi koleksi dalam AK antara BM dan BA. Sehingga hari ini, kajian yang melibatkan AK antara BM dan BA terutamanya dalam struktur kata adjektif kedua-dua bahasa masih kurang dijalankan di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

#### **1.4 Batasan Kajian**

Kajian AK kata adjektif BM dan BA akan meyetuh perbandingan sinkronis antara BM (B1) dan BA (B2). Kajian ini juga akan memperlihatkan persamaan dan perbezaan

pembentukan kata adjektif kedua-dua bahasa. Namun begitu, kajian ini lebih tertumpu kepada perbezaan di antara kedua-dua bahasa dengan tujuan mengesan gangguan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu.

## **1.5 Metodologi Kajian**

Berdasarkan tajuk yang dipilih, kajian ini hanya tertumpu kepada penyelidikan perpustakaan. Data-data mengenai kata adjektif akan dipetik dari buku-buku sumber BM dan BA yang muktabar. Data-data yang dikumpul akan dianalisis dan dibandingkan menggunakan model struktural untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan di antara kedua bahasa.

## **1.6 Latar Belakang Bahasa Yang Dikaji**

Kajian ini melibatkan dua bahasa yang berbeza rumpun, iaitu BM dan BA. Berikut adalah sedikit huraian mengenai latar belakang kedua-dua bahasa.

### **1.6.1 Bahasa Melayu**

BM merupakan salah satu bahasa daripada rumpun Austronesia atau dikenali juga sebagai rumpun Malayo-Polinesia. Bahasa-bahasa yang menganggotai rumpun ini Austronesia terdiri daripada keluarga bahasa Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polinesia. BM tergolong dalam keluarga Indonesia yang merupakan kumpulan bahasa

yang paling besar dalam rumpun Austronesia. BM menjadi pengantar utama dan bahasa rasmi di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura.

BM telah memainkan peranan yang paling penting sebagai bahasa perhubungan (lingua franca) di daerah kepulauan Melayu sejak berzaman lagi. Kedatangan orang-orang Arab, orang-orang barat dan pelbagai bangsa yang lain telah membawa perubahan dalam bahasa dan budaya Melayu. Bahasa Inggeris telah mengambil alih peranan BM sebagai bahasa rasmi pentadbiran dan pendidikan. BM tidak diberi peluang untuk maju. Selepas negara mencapai kemerdekaan, barulah BM diangkat sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara. Pada peringkat awal, BM menghadapi pelbagai masalah seperti yang terkandung dalam petikan ucapan Tuan Syed Nasir Ismail, Pengarah Dewan Bahasa Pustaka yang kedua, pada tahun 1968;

*“...pertamanya ialah masalah memodenkan bahasa Melayu sebagai bahasa bahasa pentadbiran, bahasa undang-undang negara kita di samping sebagai bahasa pengantar pusat-pusat pengajian tinggi; kedua ialah masalah menukarkan corak pemikiran orang ramai terhadap bahasa itu sendiri “.*

( Nik Safiah Karim, 1992:22)

Setelah bertahun-tahun menghadapi segala cabaran dan permasalahan, akhirnya BM berjaya mencapai kedudukan yang tinggi sebagai bahasa pengantar dan bahasa ilmu di Malaysia.



## 1.6.2 Bahasa Arab

BA adalah bahasa penghantar kepada golongan Arab terpelajar di peringkat kerajaan dan bukan kerajaan. Ia digunakan secara meluas merentasi seluruh tanah Arab, dari negara-negara Arab di Asia Barat seperti Arab Saudi, Kuwait, Yaman dan lain-lain lagi hinggalah ke negara-negara Arab yang terletak di utara benua Afrika seperti Mesir, Libya, Algeria, Tunisia dan Maghribi.


BA digunakan dalam penerbitan akademik dan digunakan oleh para cendekiawan dan akademis Arab. BA juga digunapakai dalam sesi-sesi dialog, simposium-simposium, upacara-upacara keagamaan dan kebudayaan, pengiklanan dan perbincangan-perbincangan akademik. BA juga digunakan dalam pengajaran tatabahasa di peringkat sekolah dan universiti dan penulisan puisi-puisi lama dan moden. Mohd.Said Salem Haded ( 1997 : 12 ) menyatakan bahawa BA merupakan satu-satunya bahasa yang digunapakai dalam perbincangan dan penulisan linguistik Arab dan ia merupakan bahasa pertuturan dan komunikasi di kalangan golongan terpelajar bangsa Arab.

Al-Johani: (1982:6, dipetik dari Mohd. Said : 1997 : 12 ) membahagikan BA kepada tiga jenis; Sastera Arab, BA Klasik dan penulisan BA Moden. Fradklin (1985 : 64 ) menyatakan terdapat tiga jenis BA; Arab Klasik, Sastera Arab dan BA Moden. Kebanyakan penulis-penulis Arab menggunakan jenis-jenis ini dalam bidang penulisan mereka.

BA merupakan rumpun bahasa Afro-Asiatik. Di antara bahasa yang tergolong dalam rumpun ini ialah bahasa Babylon, Assyria, Akkadia, Phoenicia, Aramaic,

Ethiopia, Sabaeen, Hebrew dan lain-lain lagi. BA merupakan cabang bahasa Semitik. Menurut A. Cheja ( 1969 : 34 dipetik dari Haded : 1997 :13 ) terdapat tiga jenis BA pada masa kini yang berbeza iaitu BA Moden, BA Klasik dan pelbagai dialek pertuturan. Kepelbagaian dialek ini ditandakan menurut daerah sempadan seperti Mesir, Libya, Iraq dan Timur Tengah. Berikut adalah gambar rajah susur galur rumpun BA.

### RUMPUN BAHASA AFRO ASIATIK



Gambarajah ini berdasarkan daripada G.L Campbell, 1991 dipetik dari Haded :1997:13

BA Klasik adalah bahasa puisi zaman pra Islam dan Bahasa al-Quran. BA Klasik atau bahasa al-Quran masih menjadi garis panduan yang penting kepada peraturan sistem nahu BA hari ini. Ia adalah bahasa kesusasteraan bagi bangsa Arab dan bahasa yang digunakan dalam upacara keagamaan bagi masyarakat Islam di dunia seperti Turki, Pakistan, Indonesia, Malaysia, Iran, sebahagian daripada negara-negara di

sub- sahara Afrika, negara-negara jajahan Komunis yang merdeka seperti Tajikistan dan Uzbekistan. BA digunakan tanpa menghirau batasan geografi dan dialek masyarakat dunia.

## 1.7 Tinjauan Kajian Berkaitan

Kajian AK di antara BM dan bahasa-bahasa kedua yang lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Perancis, bahasa Sepanyol dan bahasa-bahasa yang lain bukanlah satu bidang kajian yang baru di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Terdapat ramai para sarjana telah menjalankan kajian dalam bidang ini. Antara kajian AK antara BM dan bahasa-bahasa lain adalah seperti berikut :-

- (a) Kajian Tesis Ph.D. oleh Choi Kim Yok ( 1986 ) yang berjudul “ *Essai de recherche en analyse contrastive et en analyse d'erreurs : Les systemes morphologiques du francais et du malais* “. Dalam kajiannya beliau telah menghuraikan aspek-aspek di dalam bidang morfologi BM seperti pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Seterusnya beliau membandingkannya dengan sistem morfologi BP.
  
- (b) Kajian Ph.D. oleh Sumalee Nimmanupap ( 1989 ), “ *Sistem Panggilan Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Satu Analisis Sosiolinguistik* “. Dalam kajiannya, beliau telah menghuraikan tentang perbandingan dalam bentuk kata panggilan antara BM dan bahasa Thai dari sudut sosiolinguistik.

- (c) Kajian tesis Ph.D oleh Alicia Atilio ( 1996 ), "*Contrastive analysis and Erros Analysis: the verbal system of Malay and Spanish*". Dalam kajiannya, beliau menghurai perbandingan sistem verbal bahasa Melayu dan bahasa Sepanyol. Menurut dapatan kajian beliau, perbezaan yang ketara antara BM dan bahasa Sepanyol menyukarkan pelajar-pelajar Melayu mempelajari bahasa Sepanyol.
- (d) Terdapat satu tesis Ph.D yang berkaitan dengan kajian perbandingan antara BI dan BA dijalankan di peringkat Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Haded Mohd.Said Salem ( 1997 ) telah menjalankan kajian kontrastif yang membandingkan sistem verbal BA dan bahasa Inggeris di dalam tesis kedoktoran yang bertajuk "*Contrastive Analysis and Erros Analysis the Verbal System of Arabic and English*". Dalam kajiannya, beliau mendapati perbezaan yang ketara di antara BI dan BA menyebabkan kesukaran yang nyata timbul di kalangan pelajar Arab dalam mempelajari BI dan beliau mencadangkan metod komunikasi yang telah dimajukan semenjak tahun 1980an digunapakai secara meluas untuk meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran BI di kalangan orang-orang Arab.
- (e) Krishnasamy, N.Hariharan ( 1993 ), "*A Contrastive Analysis of Malay and Tamil Nouns*", tesis SPBM ini menghuraikan sistem kata nama dalam BM dan bahasa Tamil. Menurut beliau perbezaan yang ketara di antara kedua bahasa menjadi masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar India dalam mempelajari BM.

- (f) Soh Bee Kwee ( 1996 ), dalam disertasi SPBM bertajuk “ *Frasa Nama Bahasa Melayu dan Bahasa Mandarin: Satu Analisis Kontrasif dan Analisis Kesilapan* “, mendapati perbezaan yang ketara di antara penggunaan penjodoh bilangan di antara BM dan bahasa Mandarin menyebabkan kecacatan penggunaannya di kalangan pelajar Melayu. Hal ini menjejaskan keberkesanan pembelajaran bahasa Mandarin di kalangan pelajar Melayu.
- (g) Roshidah Hassan ( 1997 ) dalam disertasi SPBM bertajuk “ *Analisis Kontrasif Kata Gantinama Bahasa Melayu dan bahasa Peranchis*”. Beliau telah menghuraikan tentang perbandingan kata gantinama antara dua bahasa dari sudut morfologi dan juga sosiolinguistik. Menurut beliau persamaan struktur antara kedua bahasa diramalkan tidak menimbulkan kesukaran dalam proses pembelajaran BP di kalangan pelajar Melayu. Namun begitu, perbezaan yang ketara di antara penggunaan kata gantinama khusus untuk maskulin dan feminin serta kata gantinama diri ketiga tunggal dan jamak diramalkan menimbulkan kesukaran dan menjadi masalah yang ketara di kalangan pelajar Melayu.

Walaupun bagaimanapun terdapat para sarjana lain yang telah mengadakan kajian di dalam bidang ini yang membandingkan BM dan BA dari aspek fonologi, morfologi dan sintaksis. Di antara mereka ialah :-

- (a) Ismail Ibrahim ( 1990 ) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, menjalankan kajian bertajuk “*Dirāsah taqābuliyyah baina al-Lughatain al-‘Arabiyyah wa al-Māliziyyah Alā Mustawā al-Tarkīb al-Nahwi*”. Di dalam

kajiannya, beliau telah membincangkan perbandingan di antara bentuk-bentuk ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu. Kajian ini telah dibentangkan di dalam Nadwah Perkembangan Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia pada 25 Ogos 1990.

(b) Disertasi Sarjana oleh Muhammad Nasir ( 1991 ) dari Kolej Universiti Bahasa Arab Antarabangsa Khartoum, Sudan, bertajuk “ *Dirāsah Taqābuliyyah baina al-Lughah al-‘Arabiyah wa al-Mālīziyyah Alā Mustawā al-Jumlat al-Istifhamiyyah*”. Beliau telah mengkaji pembentukan ayat-ayat tanya di antara BA dan BM. Beliau telah memperjelaskan ciri-ciri utama ayat tanya kedua-dua bahasa dengan memperlihatkan persamaan dan perbezaan pembentukan ayat tanya di antara kedua-duanya.

(c) Tesis Ph.D oleh Muhammad Zain bin Mahmud ( 1994 ) dari Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur, Universiti Iskandariah, Mesir. Dalam kajiannya yang bertajuk “ *Al-Nizām al-Nahwi Fī al-Lughah al-‘Arabiyah wa al-Mālīziyyah*” , beliau telah membincangkan penjenisan ayat-ayat yang terdapat di dalam kedua-dua bahasa Arab dan Melayu dan memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang wujud dalam pembentukan ayat-ayat BA dan BM.

(d) Abdul Raziq Hassan ( 1996 ) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah mengadakan kajian kontrastif BA dan BM dari segi morfologi. Kertas kerjanya yang bertajuk “ *Naẓarāt Taqābuliyyah Baina al-‘Arabiyah wa al-Mālāyuwiyyah Alā Mustawā al-Sorfiyyah*” telah dibentangkan di Seminar Pengajaran Bahasa Arab Antarabangsa, di Universiti Brunei. Menurut beliau perbezaan yang

terlalu ketara sering menimbulkan masalah yang besar di kalangan pelajar Melayu dalam mempelajari BA.

- (e) Mat Taib bin Pa ( 1996 ) dalam disertasi sarjana dari Universiti Jordan telah mengadakan kajian AK bertajuk “ *Dirāsah Taqābuliyyah Baina Lughatain al-‘arabiyyah wa al-Mālīziyyah ‘alā Mustawā al-Murakkabah al-Ismiyyah wa al-Wasfiyyah wa al-Fi‘liyyah*”. Di dalam kajiannya, beliau telah menghuraikan pembentukan frasa kata nama, frasa kata adjektif dan frasa kata kerja BA dan BM. Seterusnya, beliau memperlihatkan perbezaan dan persamaan yang terdapat di dalam kedua sistem nahu. Menurut beliau perbezaan yang jelas antara dua rumpun bahasa ini menyukarkan pelajar-pelajar Melayu menguasai BA.

## 1.8 Teori Analisis Kontrastif

Kebanyakan orang menyedari bahawa kesalahan bahasa merupakan perkara biasa yang mesti ditempuhi oleh para pelajar dalam proses mempelajari sesuatu bahasa, baik bahasa ibunda atau bahasa kedua. Namun begitu, tidak ramai yang menyedari bahawa menganalisis kesalahan dengan cara terencana dan sistematik mempunyai kepentingan yang tersendiri. ( Jamaliah Mohd. Ali : 1990 : 333 )

AK direncanakan untuk mengenalpasti kesalahan secara terperinci dan mengenalpasti serta mencari punca-punca kesilapan tersebut berlaku. Dapatan yang terhasil dari analisis tersebut boleh dijadikan panduan bagi guru untuk melaksanakan

strategi-strategi yang sesuai untuk pelajarnya dan selanjutnya dapat meningkatkan mutu keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa.

AK ini lahir dengan tujuan untuk memperlihatkan satu teori/hipotesis atau pemerian sistem bahasa yang cuba menjelaskan fenomena kesalahan/kesilapan yang sering wujud dalam bahasa kedua pelajar. Hipotesis ini berkait rapat dengan konsep behaviorisme dan strukturalisme dalam pembelajaran bahasa. Konsep behaviourisme telah menghasilkan pendapat bahawa pembelajaran bahasa wujud melalui pengumpulan tabiat seseorang.

Proses menganalisis struktur bahasa yang dipelajari akan memperlihatkan satu perbandingan linguistik samada terdapat perbezaan di antara bahasa pertama dan bahasa kedua. Perbezaan yang wujud merupakan faktor yang menyulitkan pembelajaran bahasa yang baharu. Dengan terdapatnya perbezaan di antara kedua-dua bahasa tersebut, guru dapat menelaah dan menghuraikan struktur yang akan menimbulkan kesulitan di kalangan para pelajar.

Versi kuat hipotesis AK terletak pada hujah bahawa proses pembelajaran bahasa kedua pada kenyataannya adalah proses pembelajaran butiran dan struktur yang berlainan daripada bahasa pertama pelajar. Banathy, Tiger dan Waddle ( 1966 )( dipetik dari Jamaliah Mohd. Ali 1990 : 334 ) telah menegaskan bahawa :

*“The change that has to take place in the language behaviour of foreign language student can be equated with the difficulties between the structure of students native language and culture and that of the target language and culture.”*



Versi lemah AK pula adalah versi yang bersifat '*a posteriori*', iaitu menjelaskan sesuatu kesilapan itu telah dilakukan dan dalam hal ini konsep telahan tidak terlibat. Dengan cara demikian, para penyelidik dapat melihat bukti-bukti kesilapan yang konkrit dan mencuba menghuraikannya dengan merujuk dua sistem bahasa, iaitu B1 dan B2.

Secara praktisnya, AK dapat dilaksanakan dengan menjalankan satu analisis terhadap kedua-dua bahasa untuk mengenalpasti unit-unit asas morfologi dan fonologi. Kemudian bahan tersebut akan digred secara sintaktik mengikut kontinum mudah hingga kompleks. Akhirnya, konteks linguistik akan dikawal untuk menjaga supaya kesilapan berlaku pada paras yang minimum. Jika kesilapan masih terus berlaku, guru dikehendaki membetulkannya dengan segera.

Ahli-ahli linguistik yang menganjurkan AK ini kebanyakan mereka berpendapat bahawa gangguan daripada bahasa ibunda adalah penyebab utama timbulnya kesilapan dan kesulitan dalam pembelajaran bahasa kedua seseorang. ( Fries, 1945; Poitzer, 1960 , dipetik dari Jamaliah Mohd. Ali : 334 ). Dalam proses pembelajaran tersebut, pelajar memindahkan bentuk struktur dan sistemnya daripada bahasa pertama kepada bahasa kedua. Sekiranya terdapat perbezaan yang luas dari segi nahu kedua-dua bahasa tersebut, maka akibatnya proses pemindahan korpus bahasa yang janggal dan salah akan berlaku. Oleh itu para pelajar perlu dilatih dengan cara ekstensif melalui amalan ulangan, ajukan dan penghafalan struktur-struktur bahasa kedua. Oleh yang demikian, segala gangguan akan dapat dikawal dan seterusnya dapat dielakkan.

## 1.9 Rangka Kajian

Penulisan laporan penyelidikan ini dibahagikan kepada lima bab. Setiap bab akan dipecahkan kepada perbincangan-perbincangan yang lebih terperinci.

Bab pertama merupakan pengenalan kepada laporan penyelidikan ini. Perkara yang disentuh dalam bab ini ialah pendahuluan, permasalahan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, batasan kajian, metodologi kajian, latar belakang bahasa yang dikaji. Selain itu, turut diperkatakan tentang tinjauan kajian berkaitan, teori analisis kontrasif dan akhir sekali rangka kajian serta penutup.

Bab kedua tertumpu kepada definisi adjektif BM, jenis-jenis kata adjektif BM seperti kata adjektif sifat, kata adjektif perasaan, kata adjektif cara, kata adjektif ukuran, kata adjektif bentuk, kata adjektif waktu, kata adjektif warna, kata adjektif jarak dan kata adjektif pancaindera. Seterusnya pembentukan kata adjektif BM dan penutup.

Bab ketiga berkisar tentang definisi kata adjektif BA, jenis-jenis kata adjektif BA yang meliputi kata adjektif dari sudut makna yang terbahagi kepada lima bentuk ; kata sifat *hakikiy*, kata sifat *sababiy*, kata sifat pengasas, kata sifat penguat dan kata sifat pendahuluan. Seterusnya, turut diperkatakan tentang kata adjektif dari sudut lafaz yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu kata sifat tunggal, kata sifat dengan ayat dan kata sifat separa ayat. Akhirnya turut diperbincangkan tentang kata sifat derivasi dan wazan-wazannya, ciri-ciri kata sifat BA serta penutup.

Dalam bab keempat, kajian tertumpu kepada analisis terhadap kata adjektif BM dan BA, dengan memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang wujud dalam kata adjektif kedua-dua bahasa dan penutup bab.

Bab kelima akan membincangkan rumusan mengenai kajian yang telah dijalankan dan cadangan-cadangan yang diperlu dikemukakan.

## **1.10 Penutup**

Konklusinya, dapatan daripada kaedah AK yang dibuat oleh para pengkaji bahasa merupakan maklumat yang amat penting bagi pihak yang berkenaan merangka bahan pengajaran dan penilaian. Seseorang guru akan dapat menentukan fokus dalam pengajarannya dan dapat memberi keutamaan kepada fokus itu dari segi masa dan latihan. Dapatan ini juga dapat meningkatkan kepekaan dan keperihatinan guru terhadap masalah dan kesulitan yang dialami oleh para pelajar dalam mempelajari bahasa kedua.